



**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
(MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA)**

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 603-8000 8000
Faks : 603-8891 7100
Portal Rasmi : www.motac.gov.my

Rujukan : MOTAC.600-4/1/47 JLD. 3 (2)
Tarikh : 12 Januari 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGUATKUASAAN PERATURAN BAGASI BAGI KEMASUKAN PELAWAT KE NEPAL

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, pihak Kementerian telah dimaklumkan oleh Kementerian Luar Negeri berhubung penguatkuasaan Peraturan Bagasi, Jabatan Kastam Nepal ke atas semua pelawat warganegara asing. Peraturan Bagasi ini menerangkan peruntukan had yang dibenarkan seorang pelawat asing membawa masuk ke Nepal barangan-barangan tertentu termasuklah menghadkan siling 50gram barang kemas/perhiasan emas dan perak sehingga 100 gram sahaja ke atas seorang pelawat asing. Berhubung perkara sama, sejak penguatkuasaan peraturan tersebut pada 16 Julai 2016 sehingga April 2017, 24 warga asing pelbagai kewarganegaraan termasuk dua (2) rakyat Malaysia telah diambil tindakan Jabatan Kastam Nepal (ditahan, disaman dan barangan disita) atas kegagalan mematuhi peraturan ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian memohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memaklum dan membuat edaran kepada semua ahli persatuan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan akan penguatkuasaan Peraturan Bagasi Jabatan Kastam Nepal ini agar perkara ini turut dimaklumkan kepada semua pelancong Malaysia yang bercadang untuk ke Nepal. Pihak

PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN PEMANGKIN PERPADUAN




Kementerian juga menyarankan agar semua ahli persatuan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang berkaitan agar sentiasa membuat semakan di laman web rasmi Jabatan Kastam Nepal di **www.customs.gov.np** untuk mendapatkan sebarang maklumat terkini berhubung peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan Peraturan Bagasi tersebut untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung edaran dan pemakluman kepada semua ahli persatuan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berkaitan penguatkuasaan peraturan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATIN SRI NORFALIZA ISMAIL)

Cawangan Penguatkuasaan
Bahagian Pelesenan Pelancongan
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

s.k :

- i. YBhg. Datuk KSU
- ii. YBrs. TKSU (PL)

SENARAI EDARAN :

1. Presiden
Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)
Wisma MATTA
No.6, Jalan Metro Pudu 2
Fraser Business Park
Off Jalan Yew
55100 KUALA LUMPUR
2. Presiden
Bumiputera Travel and Tour Agents Association (BUMITRA)
of Malaysia (BUMITRA)
Unit F-43-3, Tingkat 3
Blok F, Plantinum Walk
No.2, Jalan Langkawi
Taman Danau Kota
53300 KUALA LUMPUR
3. Presiden,
Malaysian Chinese Tourism Association (MCTA)
2-3A, Jalan Pandan 2/1, Pandan Jaya
55100 KUALA LUMPUR
4. Presiden,
Malaysian Indian Tour and Travel Association (MITA)
G-01, Straits Trading Building
No. 2, Lebuhr Pasar Besar
50050, KUALA LUMPUR
5. Presiden
Malaysia Inbound Chinese Association (MICA)
221, Tingkat 3, Wisma LTS
Jalan Pudu
55100 KUALA LUMPUR
6. Presiden
Malaysia Inbound Tourist Association (MITA)
Lot 4107 Tingkat 4, Wisma Central, Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR